

# Penerima SARA bersyukur bantuan ringankan beban belanja bulanan

Setiap isi rumah miskin tegar terima kenaikan kadar sehingga RM2,100 bagi tahun ini

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) menyifatkan bantuan itu meringankan beban perbelanjaan bulanan mereka ketika kos sara hidup semakin tinggi.

Pendakwah bebas, Mohd Zulhilmi Mohd Tohid, 39, berkata beliau menggunakan bantuan itu untuk membeli barang asas seperti beras, telur dan minyak masak untuk keluarganya.

"Dengan menggunakan kad pengenalan, ianya sangat mudah dan tidak perlu bawa wang tunai. Hanya datang ke kaunter pasar raya untuk periksa baki bantuan yang mengambil masa tidak sampai lima minit," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya di Sungai Buloh Sasaran, Jeram, di sini.

Bapa kepada empat anak berusia 8 tahun hingga 10 bulan itu berkata, beliau menyokong penuh langkah dilakukan kerajaan untuk membantu keluarga kurang berkemampuan.

Suri rumah, Noor Azizah Tukiman, 39, turut bersetuju agar bantuan SARA diteruskan kerana sangat diperlukan bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

"Macam suami saya bekerja sebagai pemetik buah sawit. Kalau



Noor Azizah Tukiman

ada kerja, ada gaji. Ini menyebabkan perbelanjaan rumah kami tidak stabil.

"Dengan adanya SARA, amat membantu penerima yang mana kaedahnya menggunakan kad pengenalan. Kaedah ini sangat mudah untuk berurus di kaunter," katanya yang menetap di Kampung Bukit Hijau, Jeram.

## Harap bantuan diteruskan

Wanita warga emas, Sarbiah Sukar, 65, pula berkata beliau dibantu anak perempuannya untuk mendapatkan bantuan SARA kerana tidak mahir dalam teknologi.

"Langkah ini sangat bagus, tetapi untuk orang seperti saya harus meminta pertolongan orang yang cekap.

"Harap kerajaan meneruskan bantuan ini bagi membantu kami



Mohd Zulhilmi menunjukkan barang yang dibeli menggunakan bantuan SARA di sebuah pasar raya di Sungai Buloh Sasaran, Kuala Selangor.

(Foto Faiz Anuar/BH)

dalam berdepan cabaran kos sara hidup ketika ini," katanya yang juga ibu kepada enam anak berusia 45 hingga 25 tahun.

Kementerian Kewangan memaklumkan kadar bantuan

SARA ditingkatkan dengan isi rumah miskin dan miskin tegar dalam rekod e-Kasih menerima sehingga RM2,100 bagi 2025 berbanding RM1,200 pada 2024.